



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 (58) 05/05

MAJLIS PERJUMPAAN MENTERI PERTAHANAN BERSAMA **VETERAN ATM ZON UTARA**

Sungai Petani - YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan telah mengadakan satu Majlis Perjumpaan Bersama Warga Veteran ATM Zon Utara yang bertempat di Padang Kawad Batalion 2 Ubat, Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani, Kedah pada hari ini.

Majlis perjumpaan ini adalah bertujuan untuk meraikan dan menghargai jasa baik dan khidmat bakti para veteran ATM kepada negara. Selain itu, YB Menteri Pertahanan juga telah menyempurnakan penyampaian cek bantuan sebanyak RM39,500.00 kepada lapan persatuan veteran ATM bagi Zon Utara. Antara lapan persatuan yang menerima cek bantuan ialah:

- a. Persatuan Veteran Kor Polis Tentera DiRaja Malaysia
- b. Persatuan Kebajikan Veteran 9 Rejimen Renjer DiRaja (PKV 9 RRD)
- c. Persatuan Bekas Perajurit Taiping Perak
- d. Persatuan Veteran Tentera Batalion Ke 22 Rejimen Askar Melayu DiRaja Negeri Sembilan
- e. Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM)
- f. Kelab Pegawai Rejimen Askar Melayu DiRaja
- g. Persatuan Bekas Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (DAULAT)
- h. Kelab Veteran Satu (1) Rejimen Renjer DiRaja Malaysia

Dalam majlis tersebut juga, YB Menteri Pertahanan juga menyerahkan sumbangan sebanyak RM200.00 kepada 31 orang anak-anak yatim yang terdiri daripada 20 orang perempuan dan 11 orang lelaki daripada Pertubuhan Pembangunan Anak-Anak Yatim Bekas Perajurit Malaysia.

Kementerian amat komited dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan warga Veteran Angkatan Tentera Malaysia kerana ia merupakan kumpulan penting yang perlu diberi perhatian khusus. Mereka adalah kelompok yang berjasa besar kepada negara sejak sekian lama kerana pengorbanan mereka selama ini menyumbang kepada keamanan dan kedaulatan negara.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Puan Nor Azrina binti Surip @ Nurin Aina Abdullah, Ahli Parlimen Merbok, YB Tuan Karupaiya a/l Mutusami, Ahli Parlimen Padang Serai, YBhg Mejar Jeneral Dato' Dzulkarnain bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM serta Awam Kementerian Pertahanan.

- Tamat -

Kementerian Pertahanan Malaysia

23 Mei 2019

